

22/02/2003

Kempen berjaya peroleh 1,561,462 tandatangan

Sharifah Salwa Syed Akil; Maizura Ismail

KUALA LUMPUR: Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia yang bermula 15 Januari lalu anjuran Kumpulan Perikatan Keamanan Malaysia (Aman Malaysia) berjaya mengumpul 1,561,462 tandatangan sehingga semalam.

Naib Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia, Abdul Wahab Abdul Razak, berkata jumlah itu, tidak termasuk 133,271 tandatangan yang diserahkan Kumpulan The New Straits Times Press Berhad (NSTP), Universiti Sains Malaysia (USM), Pemuda Umno Sabah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Sabah serta Pemuda MCA kepada Sekretariat Gerakan Belia 4B Malaysia, semalam.

"Masih banyak lagi tandatangan yang belum diserahkan kepada sekretariat termasuk 500,000 tandatangan daripada Rukun Tetangga dan beberapa pertubuhan lain di negara ini. Justeru, jumlah tandatangan akan terus meningkat memandangkan banyak pihak terus menjalankan kempen mengumpul tandatangan di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata, tandatangan masyarakat berbilang kaum itu bukan saja menyokong usaha Aman Malaysia tetapi juga melambangkan suara hati rakyat Malaysia yang mencintai kedamaian dan menolak keganasan serta peperangan.

"Tidak pernah berlaku dalam sejarah negara, dalam satu masa yang singkat, iaitu sebulan dua minggu lebih sejuta tandatangan rakyat Malaysia berjaya dikumpulkan. Walaupun mereka berbilang bangsa, berlainan agama serta berbeza fahaman politik .

"Tetapi dalam satu situasi yang memerlukan mereka bekerjasama, mereka boleh bersatu hati dengan mengetepikan soal perbezaan antara mereka dengan menurunkan tandatangan bagi menentang keganasan dan kezaliman," katanya.

Beliau berkata, semua tandatangan yang dikumpulkan sehingga semalam sudah dibukukan dengan setiap buku mengandungi 10,000 tandatangan. Ia akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Aman Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil pada malam 23 Februari ini oleh Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia, Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang juga Ketua Menteri Melaka, menggunakan tiga pacuan empat roda.

"Hampir dua juta tandatangan yang akan diserahkan kepada Perdana Menteri itu adalah mewakili suara rakyat Malaysia yang mahukan keamanan. Rakyat Malaysia bukan seperti sesetengah negara lain yang menggunakan pendekatan tunjuk perasaan untuk menyuarkan protes mereka terhadap peperangan dan keganasan.

"Jadi, kita mengadakan kempen membantah perang dengan cara mengumpul tandatangan dan sekali gus berharap pihak terbabit mendengar suara rakyat Malaysia yang tidak puas hati terhadap apa yang berlaku," katanya.

Abdul Razak berkata, kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia itu mungkin akan diteruskan sehingga Persidangan Negara-Negara Islam (OIC), Oktober depan.

"Orang ramai masih boleh memberikan tandatangan mereka walaupun Kempen Aman Malaysia sudah ditutup semalam. Ini kerana, sambutan yang diterima masih menggalakkan. Mungkin kita akan berjaya mengumpul empat juta tandatangan untuk dibawa ke Persidangan OIC," katanya.

Sementara itu, pada satu majlis berasingan, semalam, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, menyerahkan 31,000 tandatangan warga kementeriannya sebagai sokongan kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia kepada Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein.

Hishammuddin berkata, delegasi asing yang menghadiri Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) akan berpeluang menyaksikan

Perhimpunan Aman Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil, Ahad ini, yang dijangka dihadiri lebih 150,000 rakyat menerusi skrin besar di setiap hotel.

Katanya, siaran langsung oleh RTM dan TV3 akan membolehkan pemimpin dunia mendengar suara rakyat Malaysia membantah peperangan serta menyaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerima deklarasi selain menyampaikan amanat beliau.

"Sebab itulah kami adakan perhimpunan ini pada masa yang berdekatan dengan NAM, supaya pendirian dan suara kita dapat didengar oleh anggota NAM.

"Dari segi logistik, acara besar ini adalah sejarah di negara dan kami sudah meminta syarikat pengangkutan awam memberi khidmat percuma supaya tiada kesesakan jalan raya bagi membolehkan lebih ramai orang dapat menghadiri perhimpunan itu," katanya.